

Headline	Pencuri masa perolehi rezeki tak halal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	L-46	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,217



# Pencuri masa perolehi rezeki tak halal



**ANUR  
INANI  
ISMAIL**

**M**encuri masa termasuk dalam kategori mencuri kerana menggunakan sebahagian masa diperuntukkan untuk sesuatu kerja yang diamanahkan dengan melakukan perkara lain.

Si pencuri masa pula biasanya dikaitkan dengan sikap suka 'bertanggung' kerana disebabkan bertanggung, banyak perkara perlu disiapkan akan tergendala. Akibatnya, masa yang lain pula diperlukan untuk melakukan kerja sepatutnya telah diselesaikan tidak lama dulu.

Selain itu, konteks 'mencuri masa' bukan saja terhad kepada sikap suka bertanggung, malah ia juga merujuk kepada pekerja yang membuat perkara tidak berkaitan dengan pekerjaannya semasa waktu bekerja.

Contohnya, pekerja yang sengaja melambat-lambatkan kerja; sibuk melayari laman sesawang yang tiada kaitan dengan kerja; masuk lewat daripada waktu sepatutnya dan pulang sebelum tiba waktu ditetapkan.

Adanya sikap sebegini, tidak mungkin kita akan mendapat rezeki diberkati Allah SWT. Keberkatan adalah satu nikmat ketenangan dan kecukupan daripada Allah SWT kepada

hamba-Nya yang beriman, bersyukur dan sentiasa mencari rezeki halal untuk kehidupan serta keluarganya.

Dalam hal ini, mencuri juga boleh dilihat sebagai aspek mendapat rezeki secara tidak halal. Rezeki tidak halal yang diperolehi itu apabila dibuat membeli barang keperluan dan makanan akan menjadi haram.

Apabila seseorang memakan hasil haram, maka gelaplah hatinya, susah untuk menerima ilmu dan jauhnya dia daripada Allah SWT. Kesannya pula bukan terasa kepada diri sendiri saja, malah isteri atau suami dan anak turut merasai perkara sama jika amanah diberikan tidak dijalanakan sebaiknya.

Amanah adalah satu tanggungjawab berat daripada Allah SWT. Jika Allah SWT telah takdirkan kita dengan sesuatu pekerjaan, ini bermakna Allah SWT mengilhamkan kepada majikan untuk memberikan kepercayaan itu dan mengharapkan kita menggalas amanah diberikan sebaiknya.

Oleh itu, elakkan daripada tergelong dalam kalangan pencuri masa. Contohilah sikap Umar Ibn Aziz yang memadamkan lampu dan sanggup bergelap apabila ada ahli keluarga-

nya datang sewaktu dia berada di ruangan pejabat untuk melakukan urusan kerja kerajaan.

Betapa amanahnya beliau dalam menggunakan harta negara bukan untuk kepentingan sendiri. Inilah yang perlu dicontohi. Berusaha sehabis daya untuk mendapatkan keberkatan dan seterusnya keredaan Allah SWT atas apa saja pekerjaan dilakukan.

Oleh itu, jadilah si pencuri masa yang diberkati. Maksudnya di sini bukan pencurian yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT, tetapi sebaliknya. Curilah masa yang ada untuk melakukan sesuatu perkara dengan lebih berkesan.

Contohnya, apabila ada masa terluang atau semua kerja diamanahkan telah selesai, curilah masa yang masih berbaki untuk melakukan perkara memberi manfaat kepada organisasi tempat kita berkhidmat.



## Penulis

Pegawai penyelidik Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM)

Headline	Pencuri masa perolehi rezeki tak halal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	L-46	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,217



Melayari internet dalam waktu kerja adalah **perbuatan mencuri masa** yang harus dihentikan. (FOTO HIASAN/BH)